

09/10/2002

KWSP bayar dividen rendah bukan salah panel pelaburan

PETALING JAYA, Selasa - Kegagalan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan dividen lebih tinggi kepada 10 juta pencarumnya tahun ini bukan kesilapan panel pelaburannya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebaliknya ia disebabkan syarikat yang dilaburkan oleh KWSP tidak menunjukkan prestasi menggalakkan berikutan ketidaktentuan dalam ekonomi dan pasaran saham.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata, tidak ada sebab bagi kerajaan untuk merombak atau menggantikan ahli lembaga pelaburan KWSP walaupun ia mungkin gagal memberikan dividen yang memuaskan berikutan pulangan pelaburan kurang menggalakkan.

"Anda boleh menukar mereka tetapi ia tidak akan membuat sebarang perbezaan," katanya mengulas sama ada akan berlaku rombakan terhadap panel pelaburan KWSP itu, selepas merasmikan Persidangan Ekonomi Malaysia-China di sini, hari ini.

KWSP dalam satu kenyataan baru-baru ini menyatakan bahawa 10 juta pencarumnya kemungkinan mendapat kadar dividen yang rendah bagi 2002, berikutan pendapatan melalui pelaburannya rendah jika pasaran terus tidak menggalakkan.

Tahun lalu, KWSP mengumumkan dividen lima peratus iaitu terendah dalam empat dekad. KWSP membuat pelaburan berjumlah kira-kira RM40 bilion dalam ekuiti.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, kebanyakan syarikat yang dilaburkan oleh KWSP tidak menunjukkan prestasi menggalakkan.

Katanya, pencarum KWSP harus menerima hakikat dividen rendah kerana lembaga itu masih berupaya mendapatkan pulangan ke atas pelaburan meskipun berlaku ketidaktentuan dalam ekonomi serta pasaran saham.

Malah, banyak syarikat mengalami kerugian, manakala pelabur bimbang mengenai kemungkinan Amerika Syarikat dan sekutunya menyerang Iraq kerana ia boleh memberi kesan negatif terhadap pasaran.

"Ada kepercayaan di kalangan orang ramai, walau betapa teruknya ekonomi, dividen mesti tinggi. Itu tidak mungkin. Dividen datang daripada pelaburan dan pelaburan bagi setiap orang sekarang adalah tidak baik.

"Banyak orang walaupun memenuhi panggilan margin, pelaburan mereka mengalami kerugian. Oleh itu, walaupun dividen rendah, saya rasa ia sudah baik. Semua perniagaan di seluruh dunia tidak begitu memberangsangkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, semua orang takut mengenai kemungkinan perang tercetus. Malah pasaran saham di Dow Jones dan Nikkei (Jepun) jatuh dengan lebih banyak berbanding Malaysia.

Oleh itu, katanya, jangan mengharap dividen sentiasa tinggi dan jika mahukan dividen lebih tinggi, semua pihak perlu bekerja keras untuk memesatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Mengenai kemungkinan KWSP melabur dalam bon kedaulatan kerajaan, beliau berkata KWSP meminjamkan wang kepada kerajaan pada kadar faedah tetap dan ia sendiri dianggap sebagai bon kedaulatan.